

TAKAFULINK DANA URUS

All information as at 30 November 2025 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 30 November 2025 melainkan jika dinyatakan

Objective / Objektif Dana

Takafulink Dana Urus aims to maximise medium-to-long term returns by investing in Shariah-compliant equities, sukuk and Islamic money market instruments through Takafulink funds and Islamic collective investment schemes (CIS).


Takafulink Dana Urus bertujuan untuk memaksimumkan pulangan dalam jangka masa sederhana ke panjang dengan melabur dalam ekuiti patuh Syariah, sukuk dan instrumen pasaran wang Islam melalui dana-dana Takafulink dan skim-skim pelaburan kolektif Islam (CIS).

Fund Details / Maklumat Terperinci Dana

Investment Manager / Pengurus Pelaburan	Prudential BSN Takaful Berhad
Inception Date / Tarikh Diterbitkan	01/12/2006
Current Fund Size / Saiz Dana Terkini	RM710,857,191.95
Annual Fund Management Charge / Caj Pengurusan Dana Tahunan	1.30% per annum
Current NAV / NAB Terkini	RM2.46860

How the Fund has performed / Prestasi Dana

Performance Graph / Jaduan Prestasi Dana
Takafulink Dana Urus Vs. 80% FTSE Bursa Malaysia
EMAS Shariah Index (FBMS) + 20% Maybank
12-month Islamic Fixed Deposit-i rate



Total Price Movement Over the Following Periods / Jumlah Pergerakan Harga Dalam Tempoh Tersebut

	1 month	3 months	6 months	1 year	3 years	5 years	Since Inception
Price Movement / Pergerakan Harga	-1.02%	1.37%	4.07%	2.23%	14.46%	6.64%	146.86%
Benchmark / Penanda Aras	-1.60%	1.51%	4.47%	-0.64%	9.88%	-5.27%	68.05%
Outperformance / Perbezaan Prestasi	0.58%	-0.14%	-0.40%	2.87%	4.58%	11.91%	78.81%

Source / Sumber: Lipper for Investment Management and Bloomberg, 30 November 2025

Where the Fund invests Komposisi Pelaburan Dana



Asset Allocation Peruntukan Aset

	% NAV
1 Takafulink Dana Ekuiti	63.50
2 Takafulink Dana Sukuk	20.87
3 United-i Malaysia Equity Fund	11.26
4 United-i Malaysia Discovery Fund	4.50
5 Cash, Deposits & Others	-0.13

Takafulink Dana Ekuiti Top 10 Holdings 10 Pegangan Teratas

	%
1 Tenaga Nasional Berhad	8.47
2 Gamuda Berhad	6.82
3 Telekom Malaysia Berhad	6.30
4 Press Metal Berhad	6.08
5 IHH Healthcare Berhad	5.93
6 SD Guthrie Berhad	5.28
7 PETRONAS Gas Berhad	4.65
8 Malayan Cement Berhad	3.29
9 Sunway Berhad	2.64
10 Axiata Group Berhad	2.56

Takafulink Dana Sukuk Top 10 Holdings 10 Pegangan Teratas

	%
1 Infracap Resources S B	3.00
2 Sarawak Energy Berhad	2.71
3 DanaInfra Nasional*	2.41
4 AEON Credit Service (M)	2.17
5 Gamuda Berhad	1.87
6 AmlIslamic Bank Berhad	1.73
7 Edra Energy Sdn Bhd	1.67
8 PONS Capital Berhad	1.65
9 Eco World Perpetual	1.61
10 DanaInfra Nasional*	1.54

* Different coupon rates & maturity dates for each.

TAKAFULINK DANA URUS

All information as at 30 November 2025 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 30 November 2025 melainkan jika dinyatakan

Monthly Update / Laporan Bulanan Terkini

Equity Market Review

November was a weak month for Malaysian equities weighed down by some disappointing 3Q25 results reported from selected big cap stocks including Petronas Chemicals, CelcomDigi and QL Resources. Malaysia reported a stronger 3Q25 GDP growth of 5.2% and by the end of November the Malaysian Ringgit was stronger at RM4.13/USD (+1.4% mom). The political noise from the Sabah State elections on November 29, 2025 may have led to weaker sentiment. Malaysia registered a net foreign outflow of RM1.1 billion in November, and a cumulative net outflow of RM20.3 billion for the YTD. The FBM Emas Shariah Index closed the month at 11,850.9, down 2.04% mom. The FBM Small Cap Shariah index was down 6.2% for the month and underperformed the FBM Emas Shariah Index.

Market Outlook

After reporting the 3Q25 results in November, consensus seems to have downgraded earnings growth for the FBMKLCI to around 4-5% due to analysts revising down their earnings forecasts for Petronas Chemicals and Tenaga. Petronas Chemicals' 3Q25 weak earnings were mainly due to lower product spreads and continued losses from Pengerang Petrochemical Complex (PPC), which remains underutilized. Tenaga's 9MFY25 was below consensus expectations on higher depreciation charges and tax expenses. Tenaga has finally settled the tax overhang issue with the IRB and stated that they have been approved to claim ITA YA 2003-2024 under Schedule 7B, to be deducted from future taxable income (details to be finalised), and will continue to claim ITA for future capex spending (which is better than CA under Schedule 7A). Domestically, Malaysia is in a favourable position with relatively stable politics compared to some of our other ASEAN peers. However, the results of the Sabah State elections will likely mean that the GE16 will be held in 2027, with some speculating that it may be held together with the Johor State Elections. The economy continues to be supported by the realization of FDI and domestic direct investments, strong construction activities, solid consumption growth, and robust tourism activities. The domestic equity market remains flush with liquidity and dividend yield is attractive. We see any market weakness as an opportunity to accumulate fundamentally strong stocks at attractive valuations.

Fixed Income Market Review

The Malaysian Government Securities ("MGS") yield curve mostly shifted lower during the month with the 3- and 20-year benchmarks shifted lower by 7bps while the 7-year benchmark closed unchanged on a monthly basis. The 3-, 5-, 7-, 10-, 15-, 20- and 30-year benchmarks closed at 3.10% (-7bps), 3.30% (unch.), 3.47% (unch.), 3.49% (-3bps), 3.77% (-3bps), 3.87% (-7bps) and 3.98% (-2bps), respectively in November. Bank Negara Malaysia ("BNM") kept the Overnight Policy Rate ("OPR") unchanged at 2.75% in November, noting that global growth continues to expand despite the drag from higher tariffs. The outlook is supported by strong labour markets, easing inflation, less restrictive monetary policy and ongoing fiscal support, while recent trade agreements have helped reduce some uncertainty. However, risks remain tilted to the downside, including the possibility of further tariffs, rising geopolitical tensions and stretched market valuation, although a milder tariff impact and potential pro-growth policies could provide some upside. Meanwhile, Malaysia's 3Q2025 GDP grew 5.2%, broadly matching the earlier estimate and leading to an upward revision of full-year growth to 4.6%. Domestic demand remained the main engine of expansion, supported by firm private consumption driven by stable inflation, healthy household spending, and strong retail and tourism activity, although investment growth softened. External demand also improved as net exports rebounded on weaker import growth. Sector-wise, mining posted a notable recovery after four quarters of contraction, while services and manufacturing continued to expand steadily. Going forward, growth is expected to ease in 4Q2025 as boost from front-loaded shipments fades and the revised US tariff regime begins to weigh on trade, against a backdrop of uneven global conditions and persistent geopolitical uncertainties.

Market Outlook

The Budget 2026 signals continued fiscal consolidation with the deficit narrowing to 3.5% of GDP (RM74.6bn) from 3.8% in 2025 (RM76.7bn), and despite a tighter fiscal stance, total gross MGS and GII issuance is projected to rise to RM183bn next year (from revised RM170.5bn) on larger maturity profile of RM108.7bn. Net supply however, is expected to ease to RM75bn (vs RM87bn in 2025) as new funding needs moderate. From a bond-market standpoint, this suggests a manageable supply backdrop despite higher gross issuance, with no major refinancing or FX-debt risk expected. With fiscal discipline intact and a credible consolidation path toward a 3% deficit by 2028 and below 3% by 2030, the outlook remains supportive for medium- to long-duration government bonds, though supply absorption will still hinge on investor appetite and foreign demand stability. With inflation contained and growth holding steady, we expect BNM to keep the OPR unchanged at 2.75% through the remainder of 2025.

Fund Review & Strategy

The Fund returned -1.02% for the month, outperforming the benchmark return of -1.60% by 0.58%. Year-to-date, The Fund returned -0.65%, outperforming the benchmark return of -4.21% by 3.56%. The overperformance in Nov was mainly due to the overperformance in the equity portion against its benchmark.

Ekuiti Tinjauan Bulanan

Ekuiti Malaysia dilanda kelemahan pada bulan November, terjejas akibat sesetengah laporan prestasi suku ketiga 2025 daripada saham permodalan besar yang mengecewakan termasuk Petronas Chemicals, CelcomDigi dan QL Resources. Malaysia melaporkan pertumbuhan KDNK 3Q25 2025 yang lebih kukuh iaitu 5.2% dan menjelang akhir November, Ringgit Malaysia mengukuh kepada RM4.13/USD (+1.4% bulan ke bulan, MoM). Gegaran politik daripada pilihan raya Negeri Sabah yang diadakan pada 29 Nov 2025 mungkin telah melemahkan sentimen. Malaysia terus mencattakan jualan asing bersih sebanyak RM1.1 bilion pada November, manakala aliran keluar bersih kumulatif YTD berjumlah RM20.3 bilion sejak awal tahun sehingga kini. Indeks FBM Emas Shariah menutup bulan tinjauan pada 11,850.9, turun 2.04% bulan ke bulan (MoM). Indeks FBM Small Cap Shariah susut 6.2% pada bulan ini sambil mengatasi FBM Emas Shariah.

Gambaran Bulanan

Selepas melaporkan keputusan 3Q25 pada bulan November, konsensus nampaknya telah menurunkan pertumbuhan pendapatan FBMKLCI kepada sekitar 4-5%, disebabkan oleh penganalisis yang merombak semula ramalan pendapatan ke atas Petronas Chemicals dan Tenaga. Kelemahan pendapatan Petronas Chemicals pada 3Q25 disebabkan terutamanya oleh taburan produk yang lebih rendah dan kerugian berterusan daripada Kompleks Petrokimia Pengerang (PPC), yang tidak dioptimumkan penggunaannya. 9MFY25 Tenaga tidak menepati jangkaan konsensus tentang caj susut nilai yang lebih tinggi dan perbelanjaan cukai. Akhirnya, Tenaga menyelesaikan isu cukai yang tidak terjual dengan LHDN dan menyatakan bahawa mereka telah dibenarkan untuk menuntut ITA YA 2003-2024 di bawah Jadual 7B, yang akan ditolak daripada pendapatan boleh cukai masa hadapan (bitiran akan dimuktamadkan), dan akan terus menuntut ITA ke atas perbelanjaan capex masa hadapan (yang lebih baik daripada CA di bawah Jadual 7A). Di dalam negeri, Malaysia berada dalam kedudukan yang baik dengan kestabilan politik berbanding dengan sebilangan rakan seangkatan ASEAN yang lain. Namun begitu, keputusan pilihan raya Negeri Sabah mungkin bermaksud bahawa PRU16 akan diadakan pada tahun 2027, dengan sesetengah pihak membuat

TAKAFULINK DANA URUS

All information as at 30 November 2025 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 30 November 2025 melainkan jika dinyatakan

spekulasi bahawa ia mungkin diadakan seiring dengan Pilihan Raya Negeri Johor. Ekonomi terus disokong oleh FDI dan pelaburan langsung domestik, kerancangan aktiviti pembinaan, kekuatan pertumbuhan penggunaan, dan keteguhan aktiviti pelancongan. Kecairan pasaran ekuiti domestik masih mengucur manakala hasil dividen menarik. Kami melihat bahawa apa-apa kelemahan pasaran sebagai peluang untuk mengumpul saham berasas kukuh pada penilaian yang menarik.

Pendapatan Tetap Tinjauan Bulanan

Kebanyakan keluk hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia ("MGS") pada bulan tinjauan, beralih lebih rendah dengan penanda aras 3 dan 20 tahun bergerak lebih rendah sebanyak 7 mata asas manakala penanda aras 7 tahun ditutup tidak berubah pada asas bulanan. Penanda aras 3, 5, 7, 10, 15, 20 dan 30 tahun masing-masing ditutup pada 3.10% (-7 mata asas), 3.30% (tidak berubah), 3.47% (tidak berubah), 3.49% (-3 mata asas), 3.77% (-3 mata asas), 3.87% (-7 mata asas) dan 3.98% (-2 mata asas), pada bulan November. Bank Negara Malaysia ("BNM") mengekalkan Kadar Dasar Semalaman ("OPR") 2.75% pada bulan November, dengan menyatakan bahawa pertumbuhan global terus berkembang meskipun terdapat sekatan ekoran tarif yang lebih tinggi. Tinjauan ini disokong oleh pasaran buruh yang kukuh, inflasi yang semakin kendur, dasar monetari yang kurang ketat dan sokongan fiskal yang berterusan, manakala perjanjian perdagangan baru-baru ini telah membantu mengurangkan ketidakpastian. Namun begitu, risiko masih mencondong ke bawah, termasuk peningkatan tarif selanjutnya, keruncingan ketegangan geopolitik dan penilaian pasaran yang meragang, meskipun impak tarif yang lebih ringan dan potensi dasar pro pertumbuhan boleh menyuntik sedikit peningkatan. Sementara itu, KDNK 3Q2025 Malaysia meningkat 5.2%, secara amnya menyamai anggaran terdahulu lalu membawa kepada semakan semula pertumbuhan sepanjang tahun kepada 4.6%. Permintaan domestik kekal sebagai enjin utama pengembangan, disokong oleh penggunaan swasta yang kukuh didorong oleh inflasi yang stabil, perbelanjaan isi rumah yang sihat, dan aktiviti runcit dan pelancongan yang mantap, walaupun pertumbuhan pelaburan memperlambat. Permintaan luaran juga bertambah baik apabila eksport bersih kembali pulih berikutan pertumbuhan import yang lebih lemah. Dari segi sektor, perlombongan mencatatkan pemulihan yang ketara selepas empat suku penguncupan, manakala perkhidmatan dan pembuatan terus berkembang dengan stabil. Melangkah ke hadapan, pertumbuhan dijangka berkurangan memasuki 4Q2025 apabila rangsangan daripada penghantaran muatan hadapan mula berkurangan dan rejim tarif AS yang dirombak semula, mulai menunjukkan taringnya kepada perdagangan, dengan latar belakang global yang tidak sekata dan ketidakpastian geopolitik yang berterusan.

Gambaran Bulanan

Belanjawan 2026 menandakan kelangsungan pengukuhan fiskal dengan defisit mengecil kepada 3.5% daripada KDNK (RM74.6 bilion) daripada 3.8% pada tahun 2025 (RM76.7 bilion), dan meskipun dengan pendekatan fiskal yang lebih ketat, namun jumlah terbitan MGS dan GII kasar diunjurkan meningkat kepada RM183 bilion tahun depan (daripada RM170.5 bilion yang disepak semula) berdasarkan profil kematangan yang lebih besar iaitu RM108.7 bilion. Namun begitu, bekalan terbitan bersih dijangka berkurangan kepada RM75 bilion (berbanding RM87 bilion pada tahun 2025) memandangkan keperluan pembiayaan baharu yang sederhana. Dari sudut pasaran bon, ia menunjukkan latar belakang bekalan yang boleh diurus walaupun terbitan kasar yang lebih tinggi, tanpa keperluan yang tinggi kepada pembiayaan semula atau risiko hutang pertukaran asing (FX) dijangkakan. Dengan disiplin fiskal yang utuh dan laluan pengukuhan boleh percaya ke arah defisit 3% menjelang 2028 dan di bawah 3% menjelang 2030, maka prospek kekal menyokong bon kerajaan berdurasi sederhana hingga panjang, walaupun penyerapan bekalan masih bergantung kepada selera pelabur dan kestabilan permintaan asing. Dengan inflasi yang terkawal dan pertumbuhan yang stabil, kami menjangkakan BNM akan mengekalkan OPR pada 2.75% sehingga ke akhir tahun 2025.

Tinjauan dan Strategi Dana

Dana menyajikan pulangan -1.02% pada bulan ini, mengatasi pulangan penanda aras -1.60% dengan perbezaan 0.58%. Sejak awal tahun, sehingga kini, Dana menguncup sebanyak -0.65%, mengatasi pulangan penanda aras -4.21% dengan perbezaan 3.56%. Prestasi mantap pada bulan November disebabkan terutamanya oleh pencapaian bahagian ekuiti yang prestasi tinggi berbanding penanda arasnya.

Source / Sumber: Fund Commentary, November 2025, Eastspring Al-Wara' Investments Berhad, Principal Islamic Asset Management Sdn. Bhd. and UOB Asset Management (Malaysia) Berhad

Disclaimer

Investments are subject to investment risks including the possible loss of the principal amount invested. The value of the units may fall as well as rise. Past performances of the funds and that of the fund managers are not necessarily indicative of future performance. The price movements indicated are not reflective of the actual return on your investments (which are subject to your premium allocation rate and deduction charges). The actual return on your invested premiums may fluctuate based on the underlying performance of the investment-linked funds. All Takafulink Dana are invested in Shariah-approved securities and/or Islamic private debt securities. This leaflet is for illustrative purposes only. For further details on the terms and conditions, please refer to the policy document. For further details on how you can invest in these funds, please refer to the respective product brochures. In the event of discrepancy between the information in this fact sheet and the policy document, the information in the policy document shall prevail.

Pelaburan adalah tertakluk kepada risiko-risiko pelaburan termasuk kemungkinan kehilangan jumlah wang pokok yang dilabur. Nilai unit mungkin naik ataupun jatuh. Prestasi masa dulu dana-dana atau pengurus-pengurus dana tidak semestinya mencerminkan prestasi masa depan. Pergerakan harga yang ditunjukkan tidak menggambarkan pulangan sebenar pelaburan anda (yang tertakluk kepada kadar peruntukan premium dan caj potongan). Pulangan sebenar ke atas premium yang anda labur mungkin berbeza, bergantung kepada prestasi dana-dana. Semua Takafulink Dana dilaburkan dalam sekuriti yang diluluskan oleh Syariah dan/atau sekuriti hutang swasta Islam. Risalah ini disediakan hanya untuk gambaran semata-mata. Sila rujuk kepada dokumen polisi untuk keterangan lanjut mengenai terma-terma dan syarat-syarat. Untuk keterangan lanjut mengenai bagaimana anda boleh melabur dalam dana-dana ini, sila rujuk kepada risalah-risalah produk yang berkenaan. Jika terdapat perbezaan di antara helaian fakta dan dokumen polisi, maklumat dalam dokumen polisi dianggap muktamad.

PRUDENTIAL BSN

TAKAFUL